

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(49)  
Tarikh : 26 April 2022

## KENYATAAN MEDIA

### **Penang Hill Festival 2022 (PHF2022) Kembali Lagi!**

*Penang Hill Festival* (PHF2022) edisi ketiga kembali pada 5 hingga 7 Ogos 2022 selepas dua tahun tidak dianjurkan akibat penularan wabak COVID-19!

PHF2022 bertujuan untuk mempromosi dan membawa kesedaran tentang alam semula jadi, sejarah dan warisan budaya yang terdapat di Bukit Bendera seperti tahun-tahun sebelum ini. Tambahan lagi, tahun ini merupakan tahun pertama PBBPP menganjurkan acara ini dengan status sebagai **Rizab Biosfera Bukit Bendera di bawah Program Manusia dan Biosfera UNESCO**. Sejak penganjuran pada tahun 2018, *Penang Hill Festival* telah bekerjasama dengan rakan niaga, komuniti Bukit Bendera, ahli akademik, artis dan peminat alam semula jadi untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang sesuai buat semua lapisan umur.

Penganjur menjanjikan pelbagai aktiviti menarik disediakan sepanjang acara tiga hari yang mana bertujuan untuk menghayati sejarah, alam semula jadi dan warisan budaya yang terdapat di Bukit Bendera. Antara aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan termasuk:-

i. **Perkongsian mengenai Masa Lalu, Kini dan Masa Depan**

Pengunjung boleh menjangkakan siri ceramah dan perkongsian menarik sepanjang acara PHF2022. Ketahui lebih lanjut tentang Rizab Biosfera Bukit Bendera dan langkah seterusnya setelah mendapat pengiktirafan pada 15 September tahun lalu dalam **Sesi Panel Rizab Biosfera Bukit Bendera**. Sesi ini akan dibarisi oleh ahli-ahli panel yang berpengetahuan luas terdiri daripada Prof Dr Siti Azizah Mohd Nor, Prof Sr Dr Mastura Jaafar, Dr Nadine Ruppert dan Dr Abe Woo Sau Pinn yang pastinya akan membuka minda anda tentang keajaiban khazanah tidak ternilai yang terletak di bukit dan laut.

Seperti pencarian harta karun, Bukit Bendera dipenuhi dengan rahsia dan cerita; Untuk dikongsi dengan mereka yang ingin menerokai. Ketahui tentang perjalanan Bukit Bendera dalam usaha untuk menjadi bukit peranginan pilihan di Malaysia pada sesi – **The Timeless Journey of Penang Hill** oleh pakar iaitu Mike Gibby – pengarang beberapa buku mengenai Bukit Bendera, Datuk Ong Eng Khuan – peguam dan penduduk Bukit Bendera dan Laurence Loh – ahli pemuliharaan dan arkitek warisan yang terkenal di peringkat antarabangsa .

Pengunjung juga boleh mengetahui banyak perkara mengenai Bukit Bendera daripada pembinaannya sehingga operasi perkhidmatan funikular daripada penceramah sesi **A Century-Year-Old Tale of Penang Hill Railway Services**. Sertai penceramah hebat, Alan Tan - ketua projek menaik taraf Keretapi Bukit Bendera, Ahmad Chik - jurutera mekanikal yang telah bersara dan menetap sekian lama di Bukit Bendera, serta Ang Sim Boo – mantan ketua stesen Keretapi Bukit Bendera; dan teruja dengan kejuruteraan yang mengagumkan ini!

Pengunjung juga boleh menyertai sesi bersama Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Latiff Mohamad, perintis dalam penyelidikan taksonomi tumbuhan dan biologi pemuliharaan, dan Datuk Seri Lim Chong Keat, pesara arkitek yang memenangi beberapa anugerah dan penyelidik botani, yang mana kedua-dua pakar ini akan berkongsi tentang khazanah semula jadi Pulau Pinang yang tersembunyi dan kepentingan memeliharanya dalam sesi **Research and Conservation of the Rare Flora of Penang**.

## ii. Terokai Warisan dan Alam Semulajadi

Penganjur juga menjalankan sesi **Talks & Walks** yang menarik di mana pengunjung boleh menerokai bukit ditemani oleh jurupandu yang berpengalaman. Pengunjung boleh memilih untuk menerokai bukit melalui **Laluan Viaduct** di mana pelbagai jenis flora boleh ditemui atau menerokai melalui **Laluan Warisan Crag** yang akan membawa pengunjung mengimbuai nostalgia sambil menikmati sejarah Bukit Bendera. Pengunjung juga boleh melalui alternatif lain iaitu **Laluan Moniot** yang membawa mereka merentasi laluan denai yang berhubung dengan sungai.

Tambahan lagi, aktiviti utama ialah **Night Exploration**, anjuran bersama *NatureWalks@Penang Hill* dan The Habitat Bukit Bendera dengan jurupandu Joseph Teoh dan Steven Wong dari Persatuan Pencinta Alam Malaysia. Pengunjung boleh menemui haiwan nokturnal yang hidup di bawah lindungan kegelapan di hutan hujan Bukit Bendera yang asli. Rizab Biosfera Bukit Bendera UNESCO yang baru disenaraikan merupakan habitat kepada kepelbagaian biodiversiti di Bukit Bendera. Jurupandu profesional akan memperkenalkan pelbagai haiwan yang menetap di hutan hujan Bukit Bendera. Pengalaman alam semula jadi yang sebenar tidak dapat dilupakan menanti anda!

### iii. Cerita melalui Lensa

**Penang Hill Photo Exhibition** adalah pameran yang akan mengimbas kembali kenangan indah yang pastinya akan menarik perhatian golongan muda. Ia akan mempamerkan gambar-gambar lama berkaitan Bukit Bendera, dengan sebahagiannya merupakan gambar yang diambil sekitar tahun 1800-an semasa zaman kolonial British. Terdapat juga **Penang Hill Festival Photography Contest 2022**. Sertai & kongsi kemahiran fotografi anda dengan tema, "Pesona Penang Hill", dan berpeluang memenangi hadiah menarik.

### iv. Music on the Hill - East Meets West

Acara utama *Penang Hill Festival, Music on the Hill - East Meets West*, kembali semula di atas permintaan ramai. Nikmati persembahan muzik oleh Tonal Alchemy bersama Ray Rozells, Milky Way Chinese Orchestra dan Wak Long Music & Art Centre yang disertai dengan orkestra semula jadi yang didendangkan oleh hidupan sekitar Bukit Bendera.

Banyak lagi aktiviti menarik menanti anda!

"*Penang Hill Festival* tahun ini amat bersejarah kerana kita bukan sahaja meraikan Bukit Bendera tetapi juga pengiktirafan terbaru sebagai kawasan Rizab Biosfera UNESCO. Objektif *Penang Hill Festival* akan memacu Bukit Bendera sebagai contoh terbaik berkaitan pemuliharaan alam sekitar dan warisan serta platform untuk mendidik orang ramai tentang sejarah Bukit Bendera," kata Ketua Menteri Pulau Pinang Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow, yang juga merangkap Pengerusi Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang.

"Kami teruja untuk acara istimewa Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang, *Penang Hill Festival*, yang membuat kemunculan semula tahun ini. Acara 3 hari itu yang akan memberi tumpuan kepada alam semula jadi, sejarah dan warisan budaya Bukit Bendera pastinya akan memberikan pengalaman yang berharga serta tidak dapat dilupakan oleh pengunjung." kata YB Yeoh Soon Hin, EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif (PETACE) Negeri Pulau Pinang.

PBBPP ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pejabat EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif (PETACE) Negeri Pulau Pinang, Penang Global Tourism, *Photographic Society of Penang*, Canon Malaysia dan rakan niaga di Bukit Bendera di atas sokongan berterusan kepada acara ini.

PBBPP juga mempelawa individu yang bersemangat dan berminat untuk menjadi sukarelawan bagi acara PHF2022. Dapatkan pautan pendaftaran yang akan dimuatnaik di laman media sosial rasmi PBBPP. Untuk maklumat lanjut mengenai butiran aktiviti (tertakluk kepada sebarang perubahan) dan pendaftaran aktiviti PHF2022, sila layari [www.penanghill.gov.my/phf2022](http://www.penanghill.gov.my/phf2022) atau ikuti laman Facebook rasmi PBBPP di [www.facebook.com/mypenanghill](http://www.facebook.com/mypenanghill). Pertanyaan juga boleh dihantar melalui e-mel ke [phf2022@penanghill.gov.my](mailto:phf2022@penanghill.gov.my).

Tandakan kalendar anda dan jumpa anda di Bukit Bendera!

#TAMAT#

---

## Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

### Unit Komunikasi Korporat

Ahmad Aizat bin Khalid  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[aizat@penanghill.gov.my](mailto:aizat@penanghill.gov.my)

Vivien Loo  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[vivienloo@penanghill.gov.my](mailto:vivienloo@penanghill.gov.my)

Tan Lee Ling  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[ltan@penanghill.gov.my](mailto:ltan@penanghill.gov.my)